



# **LAPORAN TAHUNAN 1988**

**JABATAN  
PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR  
DAN  
TAMAN NEGARA  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

---

## PENYELIDIKAN HIDUPAN LIAR

---

Bahagian ini mengumpul dan membekalkan maklumat dan data-data yang perlu bagi tujuan pengurusan dan pemuliharaan spesies-spesies hidupan liar. Penyelidikan ke atas kambing gurun, kucing liar, biawak air, memerang, mamalia kecil, badak kerbau dan rusa diteruskan seperti di tahun-tahun yang lepas. Bahagian ini juga melaporkan tentang banciaan burung air dan kerja-kerja menggelang burung.

### KAMBING GURUN

Kajian ke atas status kambing gurun pada dua buah negeri telah dijalankan iaitu di Perlis (6 kawasan) dan Kelantan (9 kawasan). Adalah dianggarkan terdapat di antara tiga ke empat ekor kambing gurun bagi setiap kawasan.

Kerja-kerja tangkapan juga telah diteruskan. Kawasan tangkapan termasuk Kampung Langkap, Kuala Pilah, Negeri Sembilan; Sungai Tekali, Ulu Langat, Sungai Lalang dan Semenyih, Selangor. Seekor kambing gurun dan juga seekor kijang telah dapat ditangkap di Kampung Langkap, Negeri Sembilan. Kedua-duanya telah dihantar ke Zoo Melaka. Kambing gurun tersebut telah mati selepas 10 hari berada di Zoo, dan kijang telah mati 14 hari kemudian. Punca kematian adalah disebabkan masalah ketegangan.

### KUCING LIAR

Kajian ini hanya dimulakan dalam bulan Julai dan meliputi semua kucing liar iaitu kucing batu (*Felis bengalensis*), kucing hutan (*Felis planiceps*), kucing dahan (*Felis marmorata*), dan kucing tulap (*Felis temminckii*).

### BIAWAK AIR

Kajian telah dibuat ke atas aktiviti penjual, pembuat dan pengeksport kulit biawak air. Antara 20,000 hingga 30,000 kulit biawak diproses setiap tahun. Biawak hidup diperolehi daripada pemburu-pemburu yang berlesen terdiri daripada penduduk-penduduk tempatan (biasanya orang-orang India). Mereka membekalkan antara 5 hingga 10 ekor sehari yang dijual dengan harga antara \$3.00 hingga \$4.00, bergantung kepada saiz dan mutu kulit. Pengeksport ini memperolehi biawak hidup daripada 20 orang pembekal tetap.

### MEMERANG

Kajian ke atas taburan empat spesies memerang yang terdapat di negara ini diteruskan dengan menggunakan borang kaji selidik yang dihantar kepada pegawai-pegawai Jabatan yang bertugas di lapangan di Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Kelantan.

### MAMALIA KECIL

Satu aspek daripada kajian ialah mempelajari tumbesaran musang dalam kurungan. Tiga ekor musang (2 ekor musang akar dan seekor musang pulut) di Zoo Melaka telah diambil ukurannya setiap sebulan sekali bagi mengetahui kadar tumbesaran mereka.

Dua kawasan telah dipilih bagi kerja tangkapan dan pemerhatian mamalia kecil iaitu Pulau Singa Besar Pulau Langkawi dan kawasan hutan berhampiran projek pembiakan rusa, Gua Musang, Kelantan. Pemerhatian dibuat ke atas kesan tapak kaki, najis dan sarang. Bunyi panggilannya juga telah dipelajari.



Di Pulau Singa Besar, 10 spesies telah dikenalpasti. Babi hutan, pelanduk, memrang dan kera telah direkodkan melalui pemerhatian. Dua ekor musang pulut, 6 ekor tikus perah, 9 ekor tikus duri hitam pudar dan beberapa ekor mamalia kecil yang lain adalah di antara mamalia kecil yang dapat ditangkap.

Di kawasan Gua Musang kucing batu dan pelanduk telah dapat dilihat sementara 4 ekor tikus lembah, 3 ekor tikus belukar, 2 ekor tikus ambang bulan, seekor tupai pinang dan seekor tikus duri hitam pudar adalah di antara mamalia kecil yang ditangkap.

### **BADAK KERBAU**

Pada tahun ini tumpuan penyelidikan telah diberikan kepada taburan dan status badak kerbau di Sungai Dusun, Selangor dan persekitarannya; Hutan Simpan Endau-Rompin di sempadan Pahang-Johor; Hutan Simpan Gunung Hijau dan Ulu Selama di Perak. Bancian yang pertama telah dijalankan dalam bulan Februari oleh 4 orang kakitangan daripada Ibu Pejabat bersama-sama 9 orang kakitangan Unit Pengurusan Badak Negeri Johor. Kawasan kajian juga termasuk Hutan Simpan Sungai Karang, kawasan sepanjang Sungai Bernam dan Ladang Cangkat Menteri. Kesimpulan telah dibuat di mana sekurang-kurangnya dua ekor badak masih berada di kawasan ini.

Di Perak, tujuh kawasan telah dikaji yang meliputi sungai-sungai dan jenut. Kesan tapak bagi sekurang-kurangnya lapan ekor badak yang bersendirian telah diukur. Seekor badak masing-masing telah dikesan di enam kawasan-kawasan berikut: Sira Harimau (19.5 sm), Sungai Rambang Selama (20.5 sm), Sungai Krian Kanan (18.0 sm), Sungai Krian (21.5 sm), Sira Harimau (22.0 sm) dan Ulu Sungai Rui (20.1 sm). Di Sungai Selama ukuran dua tapak yang agak berbeza diambil iaitu 22.9 sm dan 18.4 sm.

Kajian di Endau Rompin dijalankan di dalam bulan April oleh kakitangan di negeri Johor. Kem Kekal di Ulu Selai telah diperbaiki.

### **RUSA**

Penyelidikan dijalankan ke atas rusa sambar dan kijang. Kajian meliputi lakuan, pertumbuhan tanduk dan pemakanan kijang di Zoo Melaka dan di ketiga-tiga projek pembiakan rusa jabatan. Kajian bagi pusingan pembiakan rusa di Zoo Melaka juga telah dijalankan. Kajian lakuan kijang menunjukkan ia mencapai tahap kemuncak pada awal pagi dan lewat petang. Peserta kursus Zoo Biologi dan Pengurusan Hidupan Liar di Zoo Melaka dan Projek Pembiakan Rusa Sungkai berjaya memperolehi ukuran beberapa bahagian badan rusa sambar.

### **PASUKAN KAJI BURUNG**

#### **Menggelang Burung**

Kerja-kerja menggelang burung telah dijalankan di tujuh kawasan (Jadual 3a). Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,517 burung mengharung yang terdiri daripada 24 spesies telah juga digelangkan (Jadual 3b). Kesemua burung-burung mengharung ini telah ditangkap di Kuala Gula dan Kuala Selangor di antara bulan Oktober hingga Disember.



---

## PENGURUSAN HIDUPAN LIAR

---

Tanggungjawab utama bahagian ini ialah ke atas program pengurusan seladang, gajah dan harimau. Projek ternakan rusa dan pembiakan tuntung juga dilaporkan di bawah bahagian ini. Kedua-dua projek di atas diuruskan melalui negeri-negeri yang berkenaan. Kemajuan projek pembiakan burung kuang dilaporkan di sini walaupun ia adalah di bawah tanggungjawab bahagian penyelidikan kerana program ini lebih berorientasikan pengurusan.

### BADAK KERBAU

Dua ekor badak kerbau telah ditangkap pada 1 Mac dan 11 Julai di Sungai Dusun, Selangor dan Kampung Sungai Sejek, Raub, Pahang. Tangkapan di Sungai Dusun pada bulan Mac merupakan badak jantan yang pertama ditangkap sejak program tangkapan dimulakan dalam tahun 1985. Badak jantan itu diberi nama Shah dan ia masih remaja. Shah merupakan badak yang ke empat ditangkap di Sg. Dusun. Ia terperangkap di dalam sebuah lubang perangkap lama yang diaktifkan semula. Lubang ini pernah memerangkap seekor badak lain iaitu Dusun dalam tahun 1986. Tangkapan yang kedua ialah seekor badak betina yang dinamakan Seputih. Kedua-dua binatang tersebut dihantar ke Zoo Melaka. Ini menjadikan bilangan badak-badak yang telah ditangkap sehingga kini berjumlah 9 ekor.

Seekor badak betina Sri Delima, mati di Zoo Melaka. Perkara ini telahpun dibincangkan di dalam tajuk Zoo Melaka.



*Badak kerbau di Zoo Melaka*



## SELADANG

Unit ini meneruskan program tangkapan seladang di Ulu Lepar, Pahang; Grik, Perak dan Gua Musang, Kelantan. Di Ulu Lepar penggunaan 20 buah lubang perangkap diteruskan sementara bahan kimia telah digunakan di tempat-tempat lain.

Operasi tangkapan menggunakan lubang perangkap mencapai dua kejayaan sahaja. Satu daripadanya ialah seekor seladang betina dewasa yang ditangkap di Padang Komunis di Ulu Lepar, Pahang. Binatang ini dipindahkan ke kawasan simpanan seladang di Jenderak tetapi hidup cuma selama 15 hari sahaja. Bedah siasat menunjukkan ia mengidap sejenis penyakit otot disebabkan oleh 'post-capture myopathy' yang menyebabkan kematiannya. Tangkapan berikutnya seekor seladang jantan yang juga akhirnya telah mati. Tiada bedah siasat dijalankan ke atas binatang ini.

Kerja-kerja juga dijalankan ke atas kemudahan yang terdapat di projek pembiakan dalam kurungan di Jenderak dengan pengwujudan 10 ekar ladang rumput, pembinaan pagar luar dan modifikasi habitat di dalam kawasan ladang.

## TUNTUNG

### Terengganu

Sejumlah 132 biji telur telah dikumpulkan pada tahun ini, tetapi hanya 112 sahaja menetas menjadikan kadar penetasannya 84.8 peratus. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak \$58,277.50 bagi pembinaan kolam, memperbaiki tempat pembiakan dan jalan masuk. Lebih banyak kawasan pasir dikenalpasti sebagai kawasan pembiakan dan satu daripadanya diwartakan sebagai santuari tuntung. Kerja-kerja ke atas pembinaan kolam besar juga dimulakan.

### Perak

Di Bota Kanan, sebanyak 833 biji telur telah dikumpulkan daripada enam buah sarang, di antara bulan Disember ke Februari. Sejumlah 336 biji telur ditetaskan, memberikan 40 peratus kadar penetasan. Masa pengeraman adalah di antara 63 ke 84 hari. Sebanyak 820 ekor tuntung yang berumur lima tahun dilepaskan ke dalam sungai sebagai sebahagian daripada program mengekalkan populasinya di dalam keadaan liar.

### Kedah

Di sepanjang musim 1987/88, telur dipungut daripada Sungai Bukit Pinang dan Jajar Dam. Sejumlah 841 biji telur telah dipungut untuk projek Jabatan, tetapi hanya 509 ekor sahaja yang menetas memberikan kadar penetasannya 61 peratus. Kajian menunjukkan sebanyak 243 ekor tuntung naik ke tebing Sungai Bukit Pinang. Sebanyak 124 ekor telah bertelur berjumlah 2,214 biji menjadikan purata 18 biji telur bagi setiap tuntung.

Projek ini terganggu oleh peristiwa banjir kilat yang berlaku dalam bulan November menyebabkan air membanjiri kolam setinggi 2 meter. Hanya 602 ekor anak dapat diselamatkan manakala sebanyak 1,488 terlepas ke dalam sungai. Tiada aktiviti bertelur dilaporkan pada penghujung tahun mungkin akibat daripada banjir tersebut.